

16 JUL 1999

Mahathir-kemiskinan

KERAJAAN DAN KEPERHATINAN GOLONGAN KAYA BOLEH ATASI KEMISKINAN

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Kemiskinan tidak seharusnya wujud di Malaysia kerana bumi negara ini subur di samping bantuan dan program yang disediakan kerajaan untuk rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

"Tidak sepatutnya berlaku kemiskinan dalam negara seperti Malaysia ini yang mewah dengan bermacam-macam sumber dengan tanah yang subur yang tidak perlu dibaja...walaupun sebatang kayu mati jika dicucuk, ia akan tumbuh dan mengeluarkan buah untuk dimakan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata atas sebab itu, tidak seharusnya ada kemiskinan di negara ini.

"Jika ada yang miskin hanyalah kerana mereka daif dan tidak dapat bekerja.

"Bagi mereka ini, patutlah kita hulurkan bantuan dan derma (dari orang ramai) yang kadang-kadang perlu diberikan secara langsung tetapi lebih baik sekiranya (kerajaan) menolong mereka menambahkan punca pendapatan sendiri," kata beliau pada persembahan teater "Puteri Saadong - Perjuangan Belum Selesai" di sebuah hotel di sini. Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Menurutnya kerajaan telah menyediakan pelbagai peruntukan dan program untuk membantu rakyat termiskin.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia juga pemurah dan mudah menyumbangkan derma.

"Tanpa melelong apa-apapun, rakyat Malaysia bersedia untuk menghulurkan derma kerana sifat yang bermurah hati," kata beliau.

Beliau berkata sikap menderma di kalangan rakyat perlu diteruskan bagi memastikan negara maju dan tiada rakyat daif sehingga kebuluran.

Mengenai bantuan biasiswa, Perdana Menteri berkata: "Kita bukan kekurangan biasiswa, kita banyak biasiswa dan sesiapa yang memerlukan akan dibantu".

Beliau berkata bagaimanapun, yang penting bagi pelajar bukanlah biasiswa tetapi penggunaan masa mereka untuk belajar dan mendapatkan ilmu pengetahuan.

Dr Mahathir berkata tidak ada gunanya jika pelajar yang diberi biasiswa untuk ke universiti tetapi mengadakan demonstrasi dan bertindak ganas termasuk menendang kereta.

"Saya harap rakyat Malaysia sedar bahawa kita sedang berlumba dengan orang lain... untuk itu kita tidak ada masa untuk membazir waktu sebaliknya perlu berusaha menambah ilmu pengetahuan dan kecekapan supaya dapat bersaing," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menerima masa sumbangan berjumlah lebih RM1 juta untuk diserahkan kepada Yayasan Kemiskinan Kelantan.

Selain itu, Kemas Kelantan juga memberi sumbangan sebanyak RM10,000 untuk Tabung Barisan Bertindak Kosovo.

-- BERNAMA

NHD NAK